

SELOK-BELOK AYAT PERINTAH

OLEH MUHAMMAD NORRUDIN ABUL AZIZ

Dalam tatabahasa bahasa Melayu, terdapat empat jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Ayat perintah digunakan untuk ditunjukkan kepada orang kedua sebagai arahan atau perintah. Terdapat empat jenis ayat perintah, iaitu ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan dan ayat permintaan. Lazimnya dalam ayat perintah, kata ganti nama diri digugurkan. Dalam ayat perintah, terdapat beberapa peraturan yang perlu diketahui oleh pengguna bahasa untuk mengelakkan kekeliruan apabila menggunakan ayat perintah. Lihatlah ayat contoh yang dikemukakan di bawah ini:

a) Ayat Suruhan

Dalam ayat suruhan, terdapat perbezaan peraturan yang menggunakan kata kerja tak transitif dengan kata kerja transitif. Sila teliti ayat 1 yang merupakan ayat suruhan yang menggunakan kata kerja tak transitif.

1. *Engkau pergilah dari sini sekarang.

Ayat 1 tidak gramatis kerana kata kerja tak transitif, pergi menerima partikel-*lah*. Partikel-*lah* perlu digunakan apabila predikat dikedepankan. Marilah kita meneliti jadual yang berikut:

Subjek	Predikat	Keterangan
Engkau	pergilah	dari sini sekarang.

- (a) Kamu membuang sampah di sini. (Ayat aktif susunan biasa)
- (b) Sampah kamu buang di sini. (Ayat pasif susunan biasa)
- (c) Kamu buang sampah di sini. (Ayat pasif susunan songsang)
- (d) Jangan buang sampah di sini. (Ayat larangan pasif susunan songsang pengguguran ganti nama kamu)
- (e) Janganlah buang sampah di sini. (Ayat larangan pasif susunan songsang dengan partikel—lah)

Seterusnya, terdapat juga ayat larangan yang bersifat umum, yakni *dilarang* yang tidak boleh menerima partikel-*lah* manakala *jangan* dan *usah* yang boleh menerima partikel-*lah*. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk larangan yang terhasil agak janggal. Sebagai contoh, bandingkan penggunaan ayat larangan *jangan* dengan *dilarang* seperti ayat yang berikut:



- (a) *Janganlah* membuang sampah di kawasan ini.
- (b) **Dilaranglah* membuang sampah di kawasan ini.

Oleh hal yang demikian, ayat larangan umum tidak boleh menerima partikel-*lah* walaupun hakikatnya *jangan* boleh bergantian dengan *dilarang* seperti dalam ayat yang berikut, iaitu tanpa partikel-*lah*:

- (c) *Jangan* membuang sampah di kawasan ini.
- (d) *Dilarang* membuang sampah di kawasan ini.

c) Ayat Silaan dan Ayat Permintaan

Dalam ayat perintah, kata silaan dan kata permintaan tidak boleh dicampuradukkan dengan kata larangan kerana menghasilkan bentuk yang tidak gramatis. Sila lihat contoh yang berikut:

Salah	Betul
1. <i>Tolong jangan</i> letakkan kenderaan di sini.	<i>Jangan</i> letakkan kenderaan di sini.
2. <i>Sila jangan</i> merokok.	<i>Jangan</i> merokok.
3. <i>Minta jangan</i> berludah di sini.	<i>Jangan</i> berludah di sini.
4. <i>Tolong jangan</i> angkat barang itu.	<i>Jangan</i> angkat barang itu.
5. <i>Minta tolong</i> edarkan kertas ini.	<i>Minta</i> edarkan kertas ini.
6. <i>Minta usah</i> rindui gadis itu.	<i>Usah</i> rindui gadis itu.
7. <i>Tolong minta</i> Nadiah sampaikan kad perkahwinan ini kepada abangnya.	<i>Minta</i> Nadiah sampaikan kad perkahwinan ini kepada abangnya.

Berdasarkan beberapa peraturan yang dinyatakan tersebut diharapkan peraturan ini dapat difahami agar kekeliruan tentang ayat perintah tidak berlaku lagi. Oleh sebab itu, pengguna bahasa perlu menguasai selok-belok ayat seperti susunan ayat dan jenis kata supaya ayat perintah yang terhasil adalah gramatis dan tepat selaras dengan konsep betulkan yang biasa, biasakan yang betul. PB *Binaan ayat yang tidak gramatis.

- (a) Kamu membuang sampah di sini. (Ayat aktif susunan biasa)
- (b) Sampah kamu buang di sini. (Ayat pasif susunan biasa)
- (c) Kamu buang sampah di sini. (Ayat pasif susunan songsang)
- (d) Jangan buang sampah di sini. (Ayat larangan pasif susunan songsang pengguguran ganti nama kamu)
- (e) Janganlah buang sampah di sini. (Ayat larangan pasif susunan songsang dengan partikel—lah)

Seterusnya, terdapat juga ayat larangan yang bersifat umum, yakni *dilarang* yang tidak boleh menerima partikel-*lah* manakala *jangan* dan *usah* yang boleh menerima partikel-*lah*. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk larangan yang terhasil agak janggal. Sebagai contoh, bandingkan penggunaan ayat larangan *jangan* dengan *dilarang* seperti ayat yang berikut:



- (a) *Janganlah* membuang sampah di kawasan ini.
- (b) **Dilaranglah* membuang sampah di kawasan ini.

Oleh hal yang demikian, ayat larangan umum tidak boleh menerima partikel-*lah* walaupun hakikatnya *jangan* boleh bergantian dengan *dilarang* seperti dalam ayat yang berikut, iaitu tanpa partikel-*lah*:

- (c) *Jangan* membuang sampah di kawasan ini.
- (d) *Dilarang* membuang sampah di kawasan ini.

c) Ayat Silaan dan Ayat Permintaan

Dalam ayat perintah, kata silaan dan kata permintaan tidak boleh dicampuradukkan dengan kata larangan kerana menghasilkan bentuk yang tidak gramatis. Sila lihat contoh yang berikut:

Salah	Betul
1. <i>Tolong jangan</i> letakkan kenderaan di sini.	<i>Jangan</i> letakkan kenderaan di sini.
2. <i>Sila jangan</i> merokok.	<i>Jangan</i> merokok.
3. <i>Minta jangan</i> berludah di sini.	<i>Jangan</i> berludah di sini.
4. <i>Tolong jangan</i> angkat barang itu.	<i>Jangan</i> angkat barang itu.
5. <i>Minta tolong</i> edarkan kertas ini.	<i>Minta</i> edarkan kertas ini.
6. <i>Minta usah</i> rindui gadis itu.	<i>Usah</i> rindui gadis itu.
7. <i>Tolong minta</i> Nadiah sampaikan kad perkahwinan ini kepada abangnya.	<i>Minta</i> Nadiah sampaikan kad perkahwinan ini kepada abangnya.

Berdasarkan beberapa peraturan yang dinyatakan tersebut diharapkan peraturan ini dapat difahami agar kekeliruan tentang ayat perintah tidak berlaku lagi. Oleh sebab itu, pengguna bahasa perlu menguasai selok-belok ayat seperti susunan ayat dan jenis kata supaya ayat perintah yang terhasil adalah gramatis dan tepat selaras dengan konsep betulkan yang biasa, biasakan yang betul. PB *Binaan ayat yang tidak gramatis.



STRATEGI PEMBELAJARAN TERBALIK

OLEH NABIHAH YUSOF

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan inisiatif pembelajaran abad ke-21 secara rintis pada tahun 2014 dan meluaskan pelaksanaan ke seluruh negara mulai tahun 2015. Kita menyedari kepentingan guru memahami dan melakukan perubahan dalam aspek pengajaran pembelajaran sesuai dengan pembelajaran abad ke-21. Pelaksanaan model Pembelajaran Terbalik seiring dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Strategik Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pembelajaran Terbalik atau dalam bahasa Inggeris dikenali dengan 'Flipped Classroom' merupakan pendekatan pengajaran yang mengalihkan sesi pembelajaran di dalam kelas kepada pembelajaran melalui video di luar kelas. Maka, semasa sesi pembelajaran berlangsung di dalam kelas, guru menggunakan sepenuhnya aktiviti kolaborasi dan berinteraksi kepada pelajar secara individu. Menurut

Graham Brent (2013), Pembelajaran Terbalik merupakan strategi yang boleh diberikan oleh guru dengan cara mengurangkan jumlah arahan secara langsung dalam amalan pengajaran mereka sambil memaksimumkan interaksi dengan pelajar.

Pendekatan Pembelajaran Terbalik memberikan perubahan tanggungjawab kepada guru-guru. Sebagai contoh, guru tidak lagi berdiri di hadapan kelas untuk memberikan pengajaran semasa sesi pembelajaran berlangsung. Namun begitu, mereka hanya perlu memberikan arahan kepada pelajar, seterusnya pelajar akan membentuk pembelajaran secara koperatif dan

kolaboratif di dalam kelas. Peranan pelajar juga dapat dilihat apabila mereka lebih aktif dan lebih banyak berinteraksi di dalam kelas sesama mereka.

Penggunaan pendekatan Pembelajaran Terbalik juga dikatakan dapat memberikan kesan yang positif kepada prestasi pencapaian pelajar. Walaupun terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaan pendekatan Pembelajaran Terbalik, tetapi terdapat potensi yang tinggi untuk melaksanakannya dalam kelompok kumpulan yang berbeza dari segi PdP.

Selain itu, PdP yang menggunakan pendekatan Pembelajaran Terbalik akan memberikan tugas dan tanggungjawab yang lebih besar kepada pelajar, serta memberikan mereka lebih banyak peluang untuk mencuba. Aktiviti yang dijalankan di dalam kelas akan diterajui oleh pelajar dan komunikasi antara pelajar menjadi lebih dinamik ketika melakukan pembelajaran secara amali.

Kelebihan Strategi Pembelajaran Terbalik dalam PdP

Antara kelebihan menggunakan Pembelajaran Terbalik sebagai pendekatan pembelajaran termasuklah seperti yang berikut:

1. Memberikan peluang kepada pelajar untuk melakukan perbincangan dan berinteraksi di dalam dan di luar kelas.
2. Memberikan maklum balas serta-merta kepada guru dan pelajar.
3. Bahan pembelajaran dalam pelbagai format sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar yang berbeza.
4. Lebih banyak masa yang digunakan untuk berinteraksi dengan pelajar dan bukannya untuk mengajar.
5. Memberikan peluang pembelajaran yang secukupnya kepada pelajar verbal dan pelajar yang visual.
6. Para guru dapat menyesuaikan diri mereka dengan lebih mudah melalui pelbagai gaya PdP.
7. Pelajar membuat refleksi daripada hasil pembelajaran mereka dan menyusun senarai soalan tentang perkara yang mengelirukan mereka.

Pembelajaran Terbalik atau dalam bahasa Inggeris disebut dengan 'Flipped Classroom' merupakan model pendekatan pengajaran yang mengalihkan sesi pembelajaran di dalam kelas kepada pembelajaran melalui video di luar kelas.



8. Pelajar dapat meningkatkan kemahiran elektronik yang membantu mereka dalam menggunakan apa-apa media yang berasaskan komputer.
9. Pelajar dapat mengulang kaji video tersebut sehingga mereka betul-betul memahami isi kandungan pelajaran, tidak seperti pembelajaran yang biasa. Akan tetapi, jika pelajar kurang memahami, maka guru perlu menerangkan lagi sehingga pelajar dapat memahami.
10. Pelajar dapat mengakses video tersebut dari mana-mana tempat asalkan terdapat sambungan internet yang mencukupi dan boleh dimuat turun, serta tidak akan membosankan jika ditonton berulang kali.

Strategi Pembelajaran Terbalik dalam PdP

Sehari sebelum kelas

- Sebelum guru berjumpa pelajar di dalam kelas, pelajar diminta untuk belajar sendiri di rumah ruangan isi kandungan pelajaran. Pelajar akan menonton video pembelajaran yang disediakan oleh guru ataupun video pembelajaran yang dibuat oleh orang lain. (Pelajar diberikan video untuk ditonton sebelum masuk ke kelas. Di dalam kelas, hanya berlangsung sesi pembelajaran dengan aktiviti.)

Semasa di rumah

- Di rumah, pelajar menonton video dan melakukan bacaan dan sedikit kajian berkenaan dengan tugas. Mereka juga menyediakan semua bahan dan peralatan yang diperlukan bagi aktiviti pada hari berikutnya. Semuanya dilakukan oleh pelajar, secara individu atau berkumpulan. Akan tetapi, apa-apa yang paling penting ialah proses pembelajaran yang berlangsung di rumah.

Kaedah Tradisional



PdP di dalam kelas

Aktiviti tugasan di rumah

Kaedah Pembelajaran Terbalik



PdP di rumah

Aktiviti di dalam kelas

- Guru memberikan kuiz atau ujian hingga pelajar sedar bahawa aktiviti yang mereka lakukan bukan sekadar permainan, tetapi merupakan proses pembelajaran. Pada masa yang sama, guru berperanan sebagai fasilitator untuk membantu pelajar semasa sesi pembelajaran dan menyelesaikan soalan-soalan yang berkaitan dengan isi kandungan pelajaran.
- Pada akhir kelas, pelajar membentangkan tugasan yang dibuat di dalam kelas, tetapi dengan menggunakan bahan dan kajian yang mereka buat di rumah melalui tontonan video dan bacaan.

Oleh itu, disimpulkan bahawa kaedah PdP yang menggunakan pendekatan Pembelajaran Terbalik merupakan salah satu cara yang baik dan berkesan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar. Selain itu, melalui pendekatan Pembelajaran Terbalik ini, tugas mengajar menjadi lebih berkesan. PdP yang menggunakan pendekatan abad ke-21 ini banyak memberikan manfaat kepada pelajar dan juga guru. Walaupun terdapat beberapa kekangan yang dihadapi sama ada oleh pelajar atau guru, namun pelaksanaan Pembelajaran Terbalik ini seharusnya dilihat dari sudut yang positif, iaitu untuk meningkatkan kualiti PdP di dalam kelas. PB



Pusat Rujukan Persuratan Melayu

Cepat, mudah, tepat
<http://www.dbp.gov.my>

Enjin Carian Persuratan Melayu membolehkan pengguna mencari maklumat yang merangkum perkara yang berikut:

PRPM

- Singkatan untuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu.
- Maklumat ini merangkum domain seperti kamus dan istilah, panduan, perkhidmatan, artikel, karyawan, puisi, karya, ensiklopedia, buku, dan khidmat nasihat.
Laman Web DBP
- Maklumat ini merangkum maklumat di laman DBP serta laman Bahasa dan Persuratan Melayu.
WWW
- Maklumat ini merangkum maklumat di internet yang dibenarkan oleh DBP.
Kamus dan Istilah
- Maklumat mengenai data kamus, istilah dan bahasa sukuan seperti kata, makna, peribahasa, contoh penggunaan sinonim, antonim, istilah sumber, istilah asas, dan lain-lain.
Panduan
- Maklumat mengenai penggunaan bahasa Melayu dengan betul, kesalahan bahasa, penamaan khas, penulisan surat rasmi, lembar bahasa, dasar bahasa, dan lain-lain.
Perkhidmatan
- Maklumat mengenai terbitan buku teks terkini, koleksi dokumentasi Melayu, biografi karyawan, Munsyi Dewan, bimbingan berkarya dan Rakan Dewan.

Artikel

- Maklumat mengenai keratan akhbar, kertas kerja seminar, majalah, buletin, pengenalan asas penerbitan, Gaya Dewan, dan lain-lain.
Karyawan
- Maklumat mengenai Sasterawan Negara, Anugerah SEA Write, biodata karyawan, sumbangan karyawan dan Munsyi Dewan.
Puisi
- Maklumat mengenai puisi Melayu, gurindam, pantun, syair, nazam, seloka, teka-teki, mantera, teromba, dan lain-lain.
Karya
- Maklumat mengenai karya terbitan DBP seperti terbitan sastera Melayu terkini, karya klasik agung, cerpen terbaik, dan cerpen remaja popular kini.
Ensiklopedia
- Maklumat mengenai ensiklopedia DBP.
Buku
- Maklumat buku terbitan DBP seperti buku terbaik, sinopsis dan ulasan buku, keluaran terbaharu, kamus keluaran terkini, penganjur buku DBP dan anugerah editor terbaik DBP.
Khidmat Nasihat
- Maklumat mengenai soalan dan jawapan yang telah diberikan dalam perkhidmatan khidmat nasihat DBP.

Enjin Carian

Enjin carian Persuratan Melayu dibina untuk membolehkan pengguna mencari maklumat dalam semua pangkalan DBP secara holistik yang merentas semua jenis penerbitan DBP.

Sasaran Pengguna

Pelanggan web, Staf DBP, Karyawan DBP.

Sasaran Maklumat

Maklumat DBP yang dibenarkan, maklumat dalam laman DBP, maklumat dalam Laman Bahasa dan Persuratan Melayu, maklumat peribadi.

Pertanyaan

Sila hubungi:

Ketua Bahagian Sistem Maklumat

Aras 16, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.

e-mel: sulaiman@dbp.gov.my

Telefon: 03-21479595 Faksimile: 03-21479616

SOAL JAWAB BAHASA

OLEH ABDUL GHALIB YUNUS

Kata perisytiharan dan pengisytiharan

Apakah maksud perkataan "perisytiharan" dan "pengisytiharan"? Bagaimanakah kedua-dua perkataan ini digunakan dalam ayat?

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah maksud perkataan "perisytiharan" dan "pengisytiharan"? Bagaimanakah kedua-dua perkataan ini digunakan dalam ayat?

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

Apakah jawapan yang dapat dijelaskan daripada Tuan.

pengisytiharan dilihat dari segi aktif (perbuatan mengisytiharkan).

Sebagai kesimpulannya, pengguna bahasa perlulah memilih perkataan yang tepat dalam lisan atau tulisan. Penggunaan perkataan yang tidak tepat akan menyebabkan makna yang hendak disampaikan berbeza.

Lokatif, kausatif dan benefaktif

Soalan:

Tuan, dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, terdapat istilah lokatif, kausatif dan benefaktif. Apakah maksud ketiga-tiga istilah tersebut?

Daripada:

Nurul Izzati, Seremban.

Jawapan:

Dalam bahasa Melayu, apitan *me...-kan* yang berpasangan dengan *me...-i* sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Satu daripada punca kekeliruan ini berlaku ialah pengguna bahasa tidak dapat membezakan penanda lokatif, kausatif dan benefaktif yang terdapat pada apitan tersebut. Selain itu, pengguna bahasa tidak dapat mengetahui maksud bagi setiap apitan tersebut. Seterusnya, pengguna bahasa tidak dapat membezakan ayat yang mempunyai satu objek dengan ayat yang mempunyai dua objek. Jika pengguna mengetahui dan memahami ketiga-tiga aspek ini, masalah untuk memahami penggunaan apitan *me...-kan* dan *me...-i* dalam bahasa Melayu dapat diselesaikan.

Penanda lokatif dalam bahasa Melayu ialah *akhiran -i* yang terdapat dalam apitan *me...-i*. Dalam apitan ini, *akhiran -i* digunakan bagi merujuk tempat berlakunya sesuatu perbuatan. Sebagai contohnya, *Salimah* seperti dalam ayat (1) yang di bawah ini berada di *kampung* atau di *rumahnya* untuk menerima sepucuk surat daripada kekasihnya, Syukur yang tinggal di Kuala Lumpur.

(1) Syukur **mengirimi** Halimah yang tinggal di Kampung Solok Duku sepucuk surat.

Dalam ayat (1) di atas, *Halimah* berada di dalam satu kawasan, iaitu di kampung atau di tempat tinggalnya,

iaitu di rumah. Maksudnya ialah *Halimah* berada di dalam kawasan tertentu. Konsep ini dikenali sebagai **lokatif**, iaitu semasa menerima surat itu, *Halimah* berada di dalam kawasan tempat tinggalnya.

Penanda kausatif dalam bahasa Melayu pula ditandai oleh *akhiran -kan* yang terdapat dalam apitan *me...-kan*. Dalam apitan ini, *akhiran -kan* merujuk perubahan tempat. Sebagai contohnya, *anak lelaki bongsunya* dalam ayat (2) berubah atau berpindah tempat, iaitu dia tidak lagi tinggal di rumah *Pak Samat*, tetapi akan tinggal di rumah *Mak Besah*.

(2) Pak Samat **memberikan** anak lelaki bongsunya kepada Mak Besah sebagai anak angkat.

Penanda kausatif dalam bahasa Melayu ini boleh wujud dalam dua bentuk, iaitu penanda yang diikuti oleh **objek konkrit** dan **objek abstrak**. Dalam ayat (2) di atas, objek yang mengikuti penanda kausatif tersebut ialah **objek konkrit**. Sila lihat **objek abstrak** yang mengikuti penanda kausatif dalam ayat (3) di bawah ini:

(3) Saya telah mengajarkan **ilmu persilatan** kepada mereka pada tahun lepas.

Ilmu persilatan ialah sesuatu yang bersifat abstrak. Ilmu tersebut yang dimiliki oleh guru silat, iaitu saya telah berpindah kepada anak muridnya, iaitu *mereka*. Pemindahan **ilmu persilatan** itu bergerak secara abstrak daripada guru silat kepada anak-anak muridnya. Oleh itu, **ilmu persilatan** ialah objek yang bersifat **abstrak**.

Penanda yang ketiga ialah **penanda benefaktif**. Penanda ini ditandai oleh *akhiran -kan* yang terdapat dalam apitan *me...-kan* yang berpasangan dengan awalan *me...*. Penanda *-kan* dalam apitan ini berbeza daripada penanda kausatif *akhiran -kan* yang berubah tempat tadi dari segi makna. Penanda *akhiran -kan* jenis benefaktif ini membawa maksud melakukan sesuatu perbuatan atau kerja untuk orang lain. Lihatlah ayat (4) dan (5) di bawah ini:

(4) Kakak **mengambilkan** ayah yang baru pulang dari pejabat segelas minuman.

(5) Kakak **mengambil** segelas minuman untuk ayah yang baru pulang dari pejabat.

Dalam ayat (4) di atas, kakak melakukan perbuatan **"mengambil"** untuk seseorang, iaitu ayahnya. Ayat (4)

pula mestilah boleh bertukar bentuk dengan ayat (5) melalui proses transformasi struktur.

Sebagai kesimpulannya, konsep penanda lokatif, kausatif dan benefaktif hendaklah difahami oleh pengguna bahasa Melayu. Jika aspek ini dikuasai, masalah atau kekeliruan yang timbul tentang penggunaan apitan *me...-kan*, *me...-i* dan awalan *me...* dapat diselesaikan.

Ayat yang gramatis

Soalan:

Adakah ayat di bawah ini betul kerana guru saya mengatakan ayat tersebut salah. Apakah pendapat cikgu tentang kegramatisan ayat ini? Saya amat berharap agar cikgu dapat memberikan penjelasan.

1. Lelaki itu bimbang apabila melihat jari tangannya hampir berkeretot kerana penyakit artritis.

Daripada:

Norkamilah, Puchong.

Jawapan:

Ayat yang saudara kemukakan tidak lengkap. Klausula keterangan "kerana penyakit artritis" sepatutnya mempunyai kata kerja "menghidap", iaitu kerana menghidap penyakit artritis. Ayat yang betul ialah:

1(a) Lelaki itu bimbang apabila melihat jari tangannya hampir berkeretot kerana menghidap penyakit artritis.

Jika kita menganalisis ayat ini, ayat majmuk ini mempunyai tiga ayat tunggal seperti yang berikut:

- Lelaki itu bimbang.
- Lelaki itu melihat jari tangannya hampir berkeretot.
- Lelaki itu menghidap penyakit artritis.

Jika perkataan "menghidap" tidak ada dalam klausula yang ketiga, ayat ketika tersebut menjadi seperti yang berikut:

- (a) Lelaki itu penyakit artritis.

Dari segi makna, frasa "lelaki itu" dan "penyakit artritis" mempunyai persamaan makna. Oleh hal yang demikianlah, maka perkataan "menghidap" perlu dimasukkan dalam ayat tersebut. PB